



**NIK SALIDA  
SUHAILA**

Ujian adalah tanda kasih dan cinta Allah SWT terhadap kita. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Allah cinta kepada suatu kaum, mereka diuji. Siapa reda menerima ujian itu, Allah reda pula kepadanya. Siapa yang marah (tidak reda), maka Allah pun murka kepadanya." (Riwayat at-Tarmizi)

Ujian demi ujian yang dihadapi individu adalah peperiksaan yang diduduki untuk mengetahui tahap keimanan kepada Allah SWT.

Ia tidak hanya dengan kesukaran hidup, tetapi juga kesenangan yang menjadi sebab seseorang Muslim berjaya atau gagal dalam perhitungan hidupnya.

Allah berfirman dalam Surah al-Ankabut, ayat 2 hingga 3 yang mafhumnya: "Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata, kami beriman, sedang mereka tidak diuji dengan sesuatu cubaan? Demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang terdahulu daripada mereka, maka dengan ujian yang demikian, nyata apa yang diketahui

## Ujian tanda kasih, cinta Tuhan

Allah tentang orang yang sebenarnya beriman, dan menyata pula apa yang diketahuinya tentang orang yang berdosa."

Ayat ini menyedarkan kita ujian adalah syarat untuk mendekati diri kepada Allah SWT. Tiada seorang Muslim yang layak mengatakan dirinya sabar tanpa ujian atau beriman tanpa melepasi sesuatu cabaran.

### Diuji dengan pelbagai tuduhan

Rasulullah SAW sendiri diuji dengan pelbagai tuduhan dan fitnah terhadap diri Baginda dan keluarga. Sahabat pula sanggup bersusah payah bersama Rasulullah SAW walaupun cabaran dan dugaan yang dihadapi kerana iltizam terhadap agama bukan sedikit.

Mereka tetap bersabar serta sentiasa teguh dengan perintah Allah dan menganggap setiap ujian bukan penghalang untuk mendapat cinta Ilahi.

Hari ini, ujian sebahagian umat Islam ialah komitmen terhadap perintah agama. Rukun Islam seakan menjadi ingatan hanya kerana ada lagu yang mendendangkannya, bukan kerana ia menjadi pegangan teguh setiap umat Islam di dunia.

Ada juga sebilangan kecil langsung tidak mengetahui rukun yang lima ini, apatah lagi untuk menunaikan solat lima waktu yang menjadi sebahagian syarat kekal sebagai Muslim sehingga tibanya hari pembelaan.

Mungkin kerana perhitungan Allah SWT masih lambat, ramai terlupa, ada pula yang yakin sempat bertaubat.

Tanggungjawab yang diamanahkan juga adalah ujian Allah SWT terhadap insan. Boleh dikatakan setiap manusia yang mumayyiz mempunyai tanggungjawab terhadap diri dan orang lain.

Amat penting untuk kita mengenal

pasti setiap tanggungjawab yang wajib serta ditunaikan segera.

### Tanggung jawab jadi rutin

Bagi yang tidak alpa, tanggungjawab menjadi rutin yang harus ditunaikan setiap masa dan sempurna yang mungkin, sehingga kalau boleh tidak dapat dipertikaikan sesiapa pun.

Sebaliknya, ada juga tidak hairan dengan amanah yang dipertanggungjawabkan, sebaliknya sentiasa menuntut pelbagai hak untuk mengaburi mata sendiri, bahawa pengabaian tanggungjawab bukan disengaja, sebaliknya kerana hak sendiri tidak ditunaikan orang lain.

Justeru, ujian sering membuka mata seseorang supaya kembali berserah kepada-Nya, menyandarkan seluruh kehidupan kepada-Nya dan bergantung harap hanya kepada-Nya. Sesungguhnya, kepada orang yang berfikir, tiada satu apa pun yang Allah SWT jadikan tanpa hikmah yang baik.